

110
ekor

buaya yang ada
di Santuari Sarang
Buaya Pasir Gudang,
Tanjung Langsat

UPM bangun teknologi pembiakan buaya tembaga

Oleh Azman Zakaria
bhvarsiti@bh.com.my

► Johor Bahru

Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar sejarah sebagai universiti pertama di negara ini yang berjaya menjalankan kajian bagi membangunkan teknologi pembiakan buaya tembaga.

Kajian yang dilakukan di Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang, Tanjung Langsat itu memfokuskan kepada pengumpulan dan kajian kualiti semen (air mani) yang pertama kali dilaku-



Kerja pengekangan buaya tembaga sebelum pengambilan sampel semen dilakukan.

kan di negara ini.

Ketua Penyelidikannya, Prof Dr Abd Wahid Haron, berkata kejayaan itu bakal menjadi titik tolak rujukan penyelidik seluruh dunia berhubung pembiakan reptilia berkenaan.

Katanya, kajian yang mula dijalankan April tahun lalu itu membabitkan empat ekor buaya tembaga jantan.

"Kini, kami berjaya menetas dua anak buaya tembaga tahun ini, menjadikan populasi buaya tembaga di sini bertambah kepada 110 ekor daripada 108 ekor.

"Usaha ini sekali gus memberi harapan dalam menyelamatkan spesies berkenaan daripada ancaman kepupusan," katanya.

Pengumpulan semen

Penyelidikan itu dilakukan dengan kerjasama Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Prof Abd Wahid yang juga pensyarah Jabatan Pengajian Klinik Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar UPM berkata, penyelidik akan mendapatkan semen daripada buaya jantan dan disimpan melalui proses pengawetan bagi tempoh tertentu.

"Melalui kaedah ini, pembiakan buaya terutama bagi buaya ganas boleh dilakukan melalui persenyawaan tabung uji, selain cara normal.

"Sokongan dan kerjasama semua pihak membolehkan pengambilan dan pengumpulan semen dilakukan secara teratur dan mudah," katanya.

Beliau berkata, kejayaan penyelidikan itu secara tidak langsung dapat membantu MPPG melonjakkan sektor ekopelancongan, farmasetikal dan pendidikan berasaskan penyelidikan.